




## Mengaitkan ilmu Biologi dan Islam melalui program Future Biologist Caliphs



Oleh: Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir, Aidil Ashraf Badaruddin, Nur Hidayah Roslan & Wan Nur A'in Faqeerah Wan Muhamad Azizi

SERDANG, 26 Mei – Seramai 30 pelajar tingkatan 4 dan 5 dari Sri Ayesha Islamic School menyertai program Future Biologist Caliphs 2.0 bertujuan merangsang mereka terhadap hubungkait antara ilmu Biologi dan ilmu Islam melalui aktiviti menarik yang dijalankan sepenuhnya secara dalam talian.

Program yang dianjurkan Kelab Mahasiswa Biologi (KMB), Jabatan Biologi, Fakulti Sains, UPM itu diadakan pada 25 dan 26 Mei, dan dikendalikan oleh Jawatankuasa program Future Biologist Caliphs 2.0. Ia bertemakan 'The Embarkment of Biologist Caliphs Journey Into The Life Of Islam And Science'.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program ialah "Attajarib Biologiya", "Ya Biocaliphs, Bi Surrah" dan "Al Mutaah Fi Biocaliphs".



Bagi "Attajarib Biologiya", para pelajar melakukan uji kaji bersama-sama ahli kumpulan dan melakukan pemerhatian ke atas keputusan akhir yang ditentukan.

Melalui aktiviti itu, pelajar dapat mengaitkan hasil uji kaji berkenaan dengan firman-firman Allah SWT yang terdapat dalam Al-Quran seperti kepelbagai rasa serta kepentingan paru-paru dan jantung kepada manusia.

Aktiviti "Ya Biocaliphs, Bi Surrah" pula menguji kepentasan pelajar menjawab soalan yang disediakan.

Dalam aktiviti itu, pelajar diibaratkan seperti terperangkap dalam sebuah buku yang menceritakan kehebatan tokoh-tokoh Islam pada suatu masa dahulu dan menjawab semua soalan yang disediakan untuk melepaskan diri daripada buku tersebut. Permainan itu menggunakan pelbagai aplikasi menarik termasuk Typeform, dan GoogleSlide.

"Al Mutaah Fi Biocaliphs" pula adalah aktiviti pengembalaan secara maya. Pelajar perlu menyelesaikan kesemua cabaran dengan masa yang terpanjang aktiviti itu.

Penasihat KMB dan program ini, Dr Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir berkata, tema program kali ini dapat memberi pengetahuan baharu kepada pelajar sains dan Islam sentiasa mempunyai perkaitan.

BM ▾

"Aktiviti-aktiviti yang dijalankan juga dapat meningkatkan semangat kerjasama dan sikap berdaya saing secara sihat serta sifat kepemimpinan dalam sepanjang program," katanya.

Katanya, program kesinambungan kali kedua ini mempunyai kelainan dari tahun sebelumnya kerana walaupun platform yang digunakan adalah secara sepenuhnya namun, aktiviti yang diadakan telah berlangsung dengan meriah dan mampu memupuk kemahiran critical thinking ke dalam diri pelajar dan masalah berkaitan dengan sains.

Selain itu, para pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari sepanjang menyertai program itu di dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Pengarah program, Aidil Ashraf Badaruddin berkata, walaupun program kali ini tidak dapat dijalankan secara bersemuka seperti tahun sebelumnya, pelajar tetap aktif dan bersemangat dalam menyertai setiap aktiviti yang dijalankan secara dalam talian.

"Program ini sedikit sebanyak dapat membuka mata kami (fasilitator) dan pelajar dari Sri Ayesha Islamic School mengenai aplikasi ilmu Islam dalam Sains bagi Biologi," katanya.

Pada akhir program, pelajar memberikan refleksi yang diperoleh daripada program itu dan menceritakan pengalaman baharu yang didapat sepanjang dalam aktiviti berkenaan.

Rata-rata mereka menyatakan kegembiraan dan seronok menyertai aktiviti itu dan berharap diberi peluang lagi untuk menyertainya pada masa akan datang.

Tiga pelajar yang aktif dalam menyertai program diberikan penghargaan dan hadiah, masing-masing RM100 sumbangan daripada Fakulti Sains UPM kumpulan yang memperoleh markah keseluruhan tertinggi dinobatkan sebagai pemenang dan menerima hadiah kemenangan berjumlah RM1,000 yang diberikan MySTEM UPM. - UPM

Entiti Kami  
Newsletter

Tarikh Input: 02/07/2021 | Kemaskini: 02/07/2021 | hairul\_nizam

#### PERKONGSIAN MEDIA

([https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fmengaitkan\\_ilmu\\_biologi\\_dan\\_islam\\_melalui\\_program\\_62225&title=Mengaitkan%20Ilmu%20Biologi%20Dan%20Islam%20Melalui%20Program%20Future%20Biologist%20Caliphs%20%7C%20Universiti%20dalam%20Sains%20-%20MySTEM%20UPM](https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fmengaitkan_ilmu_biologi_dan_islam_melalui_program_62225&title=Mengaitkan%20Ilmu%20Biologi%20Dan%20Islam%20Melalui%20Program%20Future%20Biologist%20Caliphs%20%7C%20Universiti%20dalam%20Sains%20-%20MySTEM%20UPM))

(/#facebook)    (#/twitter)    (#linkedin)    (#email)    (#copy\_link)    (#wordpress)    (#print)

#### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serpong Selangor Darul Ehsan MALAYSIA  
+603-9769 1000  
-  
spk@upm.edu.my  
TALIAN KECEMASAN BAHAGIAN KESELAMATA N UPM (24 JAM)  
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://bursar1.upm.edu.my/sph/>)  
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)  
KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)  
Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)  
Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)  
Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)  
Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)  
Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)  
i-GIMS (pelajar pascaasiswa) (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)  
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/>)  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)  
Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)  
Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/>)  
Agenzi Kelayakan Malaysia (<https://www.mqa.gov.my/>)

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (entiti)  
Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)  
Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)  
Laporan Piagam Pelangan ([http://www.upm.edu.my/mengenai\\_kami/maklumat\\_korporat/](http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/))  
Dasar UPM ([http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai\\_kami/dasar\\_upm/](http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_upm/))  
Sistem Pengurusan ISO ([http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/))  
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)  
Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan>)  
Takwim UPM 2021 (<https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/202104210826007>)  
UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)

Dasar Privasi (/footnote/dasar\_privasi-29949)  
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)  
Penafian (/footnote/penafian-29938)  
Bantuan (/footnote/bantuan-29937)  
UPM online (/footnote/upm\_online-38695)  
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar\_keselamatan-29939)

© 2021 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL